



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 5 - 22 Mac 2026

Doa Hari Ini

Allah penuh rahmat, oleh kematian dan kebangkitan Anak-Mu Yesus Kristus, telah menebus dan menyelamatkan manusia; perkenankan agar oleh iman di dalam Dia yang telah menderita di atas kayu salib, kami akan menang dalam kuasa kemenangannya, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 17:20-26

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 4:32-37

YOHANES 17:21 MENJADI SATU SUPAYA DUNIA PERCAYA

“Yesus, tolonglah kami untuk saling mengasihi.”

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. MINGGU TERAKHIR PRAPASKAH

Kita kini berada dalam minggu terakhir musim Prapaskah. Ahad depan ialah Minggu Palma, dan selepas itu kita akan memasuki Minggu Suci. Doa Tengah Hari masih diteruskan, dan kami bersyukur melihat sekitar 40 hingga 50 orang yang setia hadir setiap hari:



- Doa Tengah Hari – Isnin–Jumaat, 12:00 pm–12:30 pm. Hibrid – di gereja dan melalui Zoom.
Zoom Meeting ID: 880 9835 3961 **Passcode: 570597**
- Khotbah kita adalah renungan tentang pesanan terakhir Yesus kepada murid-murid-Nya, Yohanes 13-17:
 - **22 Mac, Puasa 5: 'Menjadi Satu' - Yohanes 17**
- Pada hari ini juga kita dengan sukacita mengalu-alukan Rev. Nickson dan Chanel Chia dari Gereja Holy Saviour, Labuan, yang beribadah bersama kita. Rev. Nickson akan menyampaikan firman Tuhan dalam Kebaktian Eng dan BM.

2. KEBAKTIAN MINGGU SUCI

- Minggu Palma, 29 Mac – Kebaktian seperti biasa; dengan daun salib palma.
- Khamis Putih, 2 April, 8:00 mlm – Penetapan Perjamuan Kudus.
- Jumaat Agung, 3 April -
 - 6:00 pagi - Kebaktian Kesyukuran di tanah-tanah perkuburan Ibadah Jumaat Agung di gereja :
 - 12:00–1:00 tghri – Ibadah CH
 - 1:00–2:00 tghri – Ibadah EN
 - 2:00–3:00 tghri – Ibadah BM
- Hari Raya Kebangkitan (Paskah), 5 April:
 - 5:00 pagi – Kebaktian BM; diikuti sarapan
 - 8:00 pagi – Kebaktian CH; diikuti jamuan pagi
 - 10:00 pagi – Kebaktian EN; diikuti makan tengah hari

3. PEMBAPTISAN & PENETAPAN

- Baptisan akan dijalankan pada semua Kebaktian tanggal 12 April, Ahad pertama selepas Paskah. Sila mendaftar.
- Penetapan (Confirmation) akan diadakan pada bulan Ogos. Sila daftar untuk kelas persediaan.

4. KHEMAH KANAK-KANAK BM

23–24 Mac – Bermula esok, dengan 102 orang kanak-kanak! Mereka

datang dari St. Andrew's (Tuaran), Katedral All Saints, dan gereja kita. Berdoalah agar Roh Kudus bekerja dengan dasyat, ketika kita berusaha membangkitkan generasi baharu untuk melayani Sabah dan juga di tempat-tempat lain. Marilah kita berdoa agar mereka mengalami masa pembelajaran yang menyenangkan, bersuka ria, dan mengenal kawan baru. Doakan juga perlindungan keselamatan bagi semua kanak-kanak.



5. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

MAT kita akan diadakan pada Ahad depan, Minggu Palma, 29 Mac, jam 2:00 petang. Laporan-laporan pelayanan telah tersedia mulai hari ini, manakala akaun kewangan akan disediakan menjelang Ahad depan. Marilah kita berdoa agar kita akan mengalami masa persekutuan yang bermakna bersama sebagai satu keluarga.

6. PELAYANAN LAINNYA

- 23-24 Mac, esok - **Seminar LGBTQ**, Gereja Good Samaritan. Berdoalah agar seminar ini menjadi masa pembelajaran dan perkongsian yang baik.
- 26 Mac, Khamis, 8:00 pagi – **Perjamuan Kudus di Rumah**
- 17-19 April – **Lawatan Misi Koir** ke Gereja St. Patrick, Tawau. Sila hubungi Vivienne untuk maklumat lanjut.
- 1 Mei - ARK memulakan kemudahan '**Pusat jagaan harian**'. Warga emas datang untuk sehari sahaja, 8:00 pagi–5:00 petang; untuk bersahabat, makan, aktiviti dan rehat. Sila daftar. Terhad kepada 10 warga emas sahaja. Maklumat lanjut: hubungi Warden, Rev. Clarence (h/p: 016-818 9013).
- Setiap Ahad petang, **permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Hubungi Anjun. Bawa rakan-rakan anda.

7. 'RUMAH SHALOM'

Residensi baharu untuk para paderi dan pastor kita akan dikenali sebagai 'Rumah Shalom' (Rumah Damai Sejahtera). Ruang-ruang yang tersedia:

- S-T – tingkat atas (T = Top, Tinggi, Tea!),
- S-1 – unit dengan 1 bilik tidur,
- S-2 – unit dengan 2 bilik tidur,
- S-3 – unit dengan 3 bilik tidur,
- S-B – tingkat bawah (B = Bottom, Base, Bawah).



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Mac 23	1 Kor 11	Mz 78	Jum, Mac 27	1 Kor 15	Mz 82
	Sel, Mac 24	1 Kor 12	Mz 79	Sab, Mac 28	1 Kor 16	Mz 83
	Rab, Mac 25	1 Kor 13	Mz 80	Ahd, Mac 29	2 Kor 1	Mz 84
	Kha, Mac 26	1 Kor 14	Mz 81			

'Menjadi Satu; supaya dunia percaya' – Yohanes 17

Untuk renungan & perbincangan:

- Sebutkan 2 perkara yang anda sukai tentang keluarga anda.
- Dalam ayat 20–23, Yesus berdoa untuk semua yang percaya kepada -Nya. Apa yang Yesus doakan dalam ayat 21? Bagaimana kesatuan seperti ini kelihatan dalam kehidupan sebenar?
- Bagaimana gereja sedunia hari ini boleh dikatakan "satu"? Bagaimana ia tidak satu? Kalau di Sabah, kita sering berkata: "Kita satu gereja, tetapi banyak denominasi". Adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini? Mengapa atau mengapa tidak?
- Bapa mengasihi Yesus sejak kekal (ayat 23–24). "Kita mungkin tidak bersetuju antara satu sama lain, tetapi masih boleh saling mengasihi." Setuju atau tidak? Mengapa?
- Bagaimana kasih ditunjukkan: Dalam keluarga? Dalam gereja? Adakah kita perlu lakukan perkara yang sama setiap masa? Jelaskan jawapan anda.
- Bagaimana anda boleh menyumbang kepada kesatuan Gereja Kristus Likas (Christ Church Likas) minggu ini? Lakukanlah.

UNTUK DIDOAKAN

Persekutuan Anglikan yang Kita Kasih

- Berdoalah untuk penyembuhan dan pendamaian dalam Persekutuan yang sedang mengalami perpecahan. Doakan juga Uskup Agung Canterbury yang baharu, yang akan ditabalkan pada Rabu, 25 Mac, agar beliau dianugerahkan hikmat dan kerendahan hati dalam memimpin.

Komuniti Kristian yang Kita Kasih

- Berdoalah bagi para pemimpin gereja dari semua denominasi, agar kita dapat bersama-sama membangun kesaksian Kristian yang bersatu dalam masyarakat kita yang berbilang budaya.

Diri sendiri

- Berdoalah agar kita juga dapat menyumbang kepada kesatuan dalam gereja kita dan dalam komuniti Kristian yang lebih luas.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes.